



BALKIS OMAR

LATAR BELAKANG

Beliau merupakan lulusan Ijazah Sarjana Seni Persembahan pada tahun 2013, Ijazah Sarjana Muda Seni Persembahan (Drama) pada tahun 1998 hingga tahun 2001 di Universiti Malaya (UM), Diploma Seni (major Drama) di Institut Teknologi Seni Malaysia Melaka pada tahun 1996 hingga tahun 1998.

Beliau memulakan kerjayanya sebagai Pegawai Kebudayaan di Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan Malaysia pada tahun 2002. Beliau juga terlibat di dalam bidang teater kanak-kanak di *Theatre In Education* (TIE) dalam *Puppetry and Mask* (Teori, Sejarah Teater, Pengurusan Teater) dalam Pengarahan dan Lakonan.

Pada tahun 2007 sehingga kini beliau menjadi Pensyarah di Fakulti Teater ASWARA dan beliau dilantik sebagai Timbalan Dekan pada tahun 2014 hingga tahun 2016.

PENCAPAIAN

Beliau telah terlibat sebagai Pengarah di dalam pelbagai persembahan teater seperti Anak Kerbau Mati Emak di ASWARA pada April 2018, *Puppet Show* di Tabika Kemas Port Dickson pada Disember 2016, *Puppet Show* di Putrajaya pada Disember 2015 sebanyak dua kali, *Puppet Show* di Perpustakaan Negara pada

Jun 2015, Sofea dan Kacang Ajaib di ASWARA pada Disember 2014, Batu Belah Batu Bertangkup di Tabika Kemas Kuala Lumpur pada Ogos 2010, Wa.. Wa.. Wa.. Tu.. Bulan di ASWARA pada November 2009, Bila Zoo Di Tutup di ASWARA pada November 2008, dan Debunga Setia di ASWARA pada November 2006.

Beliau turut terlibat dengan Lakonan seperti *Emotif: 'IC'* di ASWARA hasil kolaborasi bersama Pensyarah, *Gamat The Musical* di Istana Budaya arahan Encik Zaifri Husin, *Greek Theatre* bertajuk *Medea* arahan Cik Marina Mergou, Teater *Lif – E* arahan Saudara Adika, *Randai* bertajuk *Puti Nilam Sari* arahan Bapak Wisran Hadi, Teater *Suluh Peraba* arahan Prof. Madya Dr. Rahman Shaari, *Bangsawan Keris Laksamana Bentan* arahan Shariful Akma Abdullah, *Bangsawan Puteri Li Po* arahan Prof. Dr. Rahmah Bujang, dan *Bangsawan Tun Fatimah* arahan Pak Murad Ibrahim.

Selain itu, beliau juga terlibat dengan pementasan lain dalam produksi dan pengurusan seperti Fasilitator bagi Bengkel Lakonan dan Pengarahan, Teater dalam Pendidikan, dan Pengurusan Teater.